

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 03 JULAI 2017

KERATAN AKHBAR

Ms 3
→ HALAMAN KOTA

Isnin, 3 Julai 2017 B1

ADUAN PEMBACA
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bnnews@bh.com.my

Fakta nombor
1.8 JUTA
Pengguna di Lembah Klang dijangka terkesan akibat pencemaran sisa kumbahan kolam tadahan air sederhana, Bandar Sunway Semenyih

1.2 METER
Kedalaman mendapan dan kebocoran saluran pembentungan kumbahan

Kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak termasuk Pusat Global Alam Sekitar (GEC) memantau kebersihan air kita. Bagaimanapun, saya melihat ada kelemahan dalam isu ini. Kerajaan tempatan perlu serius dan teliti menghalang pencemaran sungai daripada awal"

Azman Ahmad, Presiden GPS

Sisa kumbahan cemari kolam tadahan

GPS gesa agensi berkaitan selenggara, baik pulih lokasi didapati berbahaya, memudaratkan

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my
► Hulu Langat

Sajak beberapa bulan lalu, kolam tadahan air bersih sederhana di kawasan Bandar Sunway Semenyih, dicemari sisa kumbahan berpunca daripada kebocoran saluran pembentungan kumbahan berdekatan.

Kolam tadahan air bersih sederhana di kawasan itu, antara 25 lembangan kolam tadahan untuk dialirkan ke Sungai Semenyih, yang membekalkan air bersih kepada 1.8 juta penduduk di Lembah Klang.

Bagaimanapun, hal berkenaan hanya disedari Khamis lalu, selepas Skwad Pemantau, Pertubuhan Gagasan Prihatin Semenyih (GPS) melawat kawasan berhampiran Sekolah Rendah Kebangsaan Bandar Sunway Semenyih.

Risau pencemaran sisa kumbahan itu menjejaskan kualiti air Sungai Semenyih, Presiden GPS, Azman Ahmad, berkata pihaknya melaporkan kejadian itu kepada agensi pelaksana antaranya, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Indah Water Konsortium (IWK).

"Kebocoran saluran pembentungan kumbahan ini adalah yang pertama dikesan, dengan kedalaman mendapan kira-kira 1.2 meter. Kemungkinan kebocoran sudah lama berlaku kerana ada saluran bawah yang mengalirkan sisa kumbahan ke dalam kolam tadahan.

"Yes penemuan sisa kumbahan mencemarkan sungai kita, sekali gus memberi kesan kepada penduduk. Mereka akan terputus bekalan air bersih kerana pencemaran sungai akan menjejaskan operasi margin simpanan air," katanya.

Kenal pasti masalah

Semalam, Azman bersama beberapa agensi pelaksana turun padang bagi mengenal pasti masalah dihadapi di kawasan berkenaan, sekali gus membincangkan mekanisme penyelesaian untuk kepentingan orang ramai.

Selain itu, beliau menjelaskan kawasan kolam tadahan terbit, besi pengadang rosak dan mengalami tanah mendap, dikhuatiri membahayakan nyawa orang ramai, terutama pelajar sekolah.

Sehubungan itu, Azman menggesa agensi berkaitan menjalankan tugas penyelenggaraan dan baik pulih lokasi yang didapati berbahaya dan memudaratkan segera.

Katanya, pihaknya berunding mengadakan pertemuan dengan Majlis Perbandaran Kajang, untuk membincangkan mekanisme terbaik menyelesaikan isu alam sekitar sedemikian termasuk, keperluan mewujudkan sistem amaran saluran pembentungan.

"Kita akan terus bekerjasama dengan semua pihak, termasuk Pusat Global Alam Sekitar (GEC) memantau kebersihan air kita. Bagaimanapun, saya melihat ada kelemahan dalam isu ini. Kerajaan tempatan perlu serius dan teliti menghalang pencemaran sungai daripada awal.

"Semua pihak termasuk orang ramai perlu bekerjasama untuk bersihkan sungai kita kerana air nadi kehidupan. Laksanakan langkah pencegahan sebelum terlambat," katanya.

Dalam pada itu, Azman turut mendedahkan air digunakan orang ramai, yang dialirkan ke langgar setempat, membolehkan kolam tadahan mengandungi bendasing, sisa kimia dan sabun.

Jekanya, kesedaran rendah terhadap penggunaan air yang dialirkan pada kolam tadahan meningkatkan punca pencemaran sungai.

Sementara itu, Koordinator Program Penjagaan Sungai GEC, Dr K Rahmans, mengakui pencemaran kolam tadahan air bersih sederhana itu berada di tahap tiga, iaitu pencemaran dialirkan ke kolam.

"Air tadahan hitam dan mengalami pencemaran, bagaimanapun kesesannya terawal kerana air kolam tadahan tidak penuh ketika ini. Kolam tadahan ini digunakan orang ramai, jadi standarnya perlu tinggi (A) atau sekurang-kurangnya mengalami pencemaran peringkat rendah.

Sumber pencemaran air

"Statistik Jabatan Alam Sekitar mendedahkan antara sumber utama pencemaran air adalah air kumbahan separa dirawat atau tidak dirawat dialirkan dalam sungai kita. Jadi kena atasinya segera," katanya.

Beliau turut menggesa orang ramai tampil menjaga alam sekitar serta peka isu penggunaan air kerana kekurangan kesedaran akan menjejaskan pengaliran bekalan air kepada mereka.

Eksekutif Wilayah Tengah SPAN, Sharif Sharian Aman, yang menerima aduan pada 30 Jun lalu, memberi jaminan kerja pembaikan bermula hari ini dan dijangka siap dalam tempoh 24 jam.

"SPAN terima aduan dan sudah mengenal pasti punca kebocoran. Frontliner IWK akan membuat kerja pembaikan esok (hari ini)," katanya.

PHOTO KHABRUL AZRY SIDO/BU